

KENYATAAN AWAL / HOLDING STATEMENT



KEBAKARAN DI KOMPLEKS PERTAMA

Kuala Lumpur, 2 Februari 2019 – Pihak Kompleks Pertama mengesahkan kejadian kebakaran di Restoran The Ship yang berlaku pada 1 Februari 2019. Kejadian yang berlaku sekitar jam 3.50 petang, pihak bomba telah tiba pada jam 4.00 petang dan api telah berjaya dipadamkan. Punca kebakaran masih di dalam siasatan.

Kejadian tidak membabitkan sebarang kemalangan nyawa. Keadaan adalah terkawal dan operasi perniagaan Restoran The Ship dan medan selera (Food Terrace) ditutup sementara waktu. Kompleks Pertama serta Blok Menara berdekatan premis yang terbakar itu juga tidak terjejas.

Pihak berkuasa yang berkaitan juga telah dimaklumkan mengenai kejadian itu dan siasatan sedang dijalankan.

TAMAT

MENGENAI UDA PERTAMA SDN BHD

UDA Pertama Sdn Bhd (UPSB) adalah sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh UDA Holdings Berhad. UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset dan fasiliti yang berdaya. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan.

Untuk maklumat lanjut mengenai , sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Radziah Mohamed Fadzil | radziah@udanet.com | +6017 3377630
- Latifah Osman (Lat) | lat@udanet.com | +6012 291 5427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad, Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,